

25/01/1999

Sistem perbankan perlu proaktif pulih ekonomi

Ramlan Abd Wahab

JUMLAH rungutan di kalangan usahawan mengenai kesukaran mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan tempatan kian meningkat. Kebanyakannya bukan saja menyesali sikap berhati-hati keterlaluan kalangan pengurusan institusi kewangan itu, tetapi juga kecenderungan mereka membuat keputusan berdasarkan jangkaan berisiko serta ciri-ciri kedayamajuan (viability) yang tegar, termasuklah memerlukan jaminan dan cagaran yang di luar kemampuan. Kekesalan ini juga pernah disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa pemimpin kerajaan termasuk Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh.

Dalam konteks kestabilan sistem kewangan, sikap berhati-hati dalam meluluskan sesuatu pinjaman itu sememangnya dialu-alukan. Kegelojohan meningkatkan kadar kelulusan pinjaman, sama ada dari segi bilangan mahupun jumlahnya, diakui sebagai antara faktor yang menyebabkan krisis kewangan dan kegawatan ekonomi. Akibat kegelojohan ini, nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) berbanding jumlah berbayar di dalam sistem kewangan meningkat, sedangkan kadar kecairan dan modal pelaburan kian merosot. Tindakan spekulatif oleh pengurus dana akan menyebabkan keadaan ini lebih kritikal dan semakin sukar dipulihkan.

Tetapi, keengganan atau kegagalan bank dan syarikat kewangan mengeluarkan pinjaman dan menyediakan kemudahan kredit untuk membantu usahawan membiayai projek berdaya maju akan merencatkan kadar pertumbuhan ekonomi dan menurunkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar. Kadar pertumbuhan pinjaman kepada sektor swasta yang berkurangan ke tahap 0.9 peratus (dengan jumlah RM4,015.2 juta) dalam lapan bulan pertama 1998 (berbanding 14.8 peratus dengan nilai RM66,232.5 juta dalam tempoh yang sama pada 1997), secara langsung atau tidak menjadi faktor menyumbang kepada penguncupan kadar pertumbuhan ekonomi negara dengan KDNK sebenar merosot kepada negatif 4.8 peratus.

Oleh demikian, dalam usaha meningkatkan semula kadar pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan KDNK ke tahap satu peratus (yakni peningkatan 5.8 peratus), maka hakikat perkaitan antara kadar pinjaman dan kadar pertumbuhan, wajar diberi perhatian dan pertimbangan serta ditanggapi dari perspektif positif oleh semua institusi kewangan tempatan. Tanpa komitmen dan peralihan paradigma yang sewajarnya, institusi kewangan mungkin tidak akan berjaya memenuhi permintaan kerajaan supaya kadar pemberian pinjaman ditingkatkan ke tahap lapan peratus sehingga akhir tahun lalu.

Berdasarkan prestasi semasa, tahap yang ditetapkan Bank Negara itu nampaknya sukar dicapai. Sehingga awal November, kadar pertumbuhan pemberian pinjaman oleh sektor perbankan hanya berada pada tahap 4.5 peratus. Ternyata pengagihan pinjaman oleh bank, khususnya bank asing yang beroperasi di dalam negara amat lembab dan tidak memberangsang. Misalnya daripada sejumlah permohonan pinjaman bernilai RM702 juta yang diluluskan sama ada peruntukan Tabung Industri Kecil dan Sederhana, hanya RM148.3 juta saja diagihkan oleh bank dan syarikat kewangan sehingga 14 November tahun lalu.

Senario begini sepatutnya tidak berlaku setelah pelbagai langkah diambil oleh kerajaan melalui Bank Negara untuk memperkukuh dan meningkatkan keupayaan sistem kewangan. Langkah itu bukan saja meningkatkan kecairan; meringankan beban hutang, khususnya NPL; memulihkan semula modal dan menyediakan produk pinjaman baru kepada sistem kewangan, juga mewujudkan

persekitaran pelaburan dan perdagangan yang lebih baik untuk merangsang lebih ramai pengusaha mendapatkan pinjaman bank dan syarikat kewangan.

Untuk meningkatkan kecairan dan menyuntik modal ke dalam sistem kewangan, empat strategi penting dilaksanakan oleh kerajaan. Strategi pertama ialah mengembalikan semula ringgit yang disimpan dan diperdagangkan di luar negara ke dalam sistem kewangan tempatan. Untuk tujuan itu, kerajaan melaksanakan mekanisme kawalan tukaran asing secara terpilih dengan menjadikan ringgit tidak mempunyai sebarang nilai perdagangan di luar negara mulai 1 Oktober 1998, di samping mengehadkan jumlah ringgit yang boleh dibawa masuk atau keluar dari negara ini serta menetapkan nilai pada kadar AS\$1 bersamaan RM3.80.

Langkah yang dianggap drastik oleh sesetengah pihak berjaya meningkatkan deposit wang kertas dalam bank dan syarikat kewangan tempatan di samping meningkatkan deposit akaun luar yang dipegang oleh bukan permastautin dalam sistem kewangan negara. Sepanjang September lalu, penduduk tempatan mendepositkan lebih kurang RM1.7 bilion yang dibawa balik dari luar negara ke dalam bank-bank tempatan. Manakala jumlah keseluruhan mudah tunai atau kecairan sistem kewangan meningkat ke paras lebih kurang RM34 bilion sehingga pertengahan November dengan RM14 bilion daripadanya dikembalikan dari akaun di luar negara. RM14 bilion yang didepositkan dalam akaun luar di bank-bank tempatan ini adalah lebih kurang RM1.4 bilion lebih tinggi daripada yang didepositkan pada hujung September 1998, iaitu RM12.6 bilion. Pada akhir Ogos 1998, jumlah deposit dalam akaun luar hanyalah RM9.1 bilion.

Strategi kedua ialah memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, khususnya modal yang tersimpan dalam bentuk rizab. Selaras tujuan itu, kerajaan melalui Bank Negara mengambil langkah mengurangkan peratusan daripada jumlah keseluruhan tanggungan deposit bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar yang mesti disimpan di Bank Negara sebagai Rizab Berkanun. Pengurangan itu juga dijangka memperbaiki pengagihan mudah tunai antara institusi perbankan dan dengan itu mengurangkan kos dana. Dengan itu, Nisbah Rizab Berkanun (SRR) bagi institusi kewangan diturunkan daripada 13.5 peratus kepada 10 peratus daripada tanggungan sistem perbankan yang layak mulai 16 Februari. Seterusnya, pada 1 Julai dikurangkan dua peratus lagi iaitu daripada 10 peratus kepada 8 peratus. Kemudiannya kerajaan menetapkan bahawa mulai 3 September, SRR diturunkan lagi kepada empat peratus. Sehingga pertengahan November, langkah mengurangkan SRR ini berjaya menyumbangkan sebanyak lebih kurang RM10 billion kepada jumlah keseluruhan mudah tunai sistem perbankan tempatan.

Pada masa yang sama, Bank Negara memutuskan bahawa institusi perbankan tidak lagi diperlukan secara automatik menyediakan suatu peruntukan khas 20 peratus pinjaman substandard (iaitu pinjaman yang tidak mempunyai cagaran secukupnya), sebaliknya jumlah peruntukan itu akan ditentukan untuk setiap institusi oleh Bank Negara semasa meluluskan akaun setengah tahun dan akaun tahunan, berdasarkan kemampuan institusi berkenaan melindungi kerugian pinjaman masing-masing.

Strategi ketiga ialah menggalakkan penggabungan di kalangan institusi kewangan supaya modal dan mudah tunai institusi yang bergabung itu dapat digembleng bersama. Untuk tujuan ini, kerajaan menyediakan beberapa insentif belanjawan dalam bentuk pengecualian cukai. Dalam Ucapan Belanjawan 1999 lalu, Dr Mahathir mencadangkan "supaya duti setem, dan cukai keuntungan hartanah yang terbabit dalam urusan penggabungan dikecualikan, dan bagi mempercepatkan proses penggabungan, pengecualian cukai akan hanya diberi bagi urusan penggabungan yang disempurnakan mulai 24 Oktober 1998 sehingga 30 Jun 1999".

Dalam pada itu, kerajaan juga menubuhkan Syarikat Danamodal Nasional Berhad pada 10 Ogos lalu khusus untuk melaksanakan strategi memulihkan

semula modal sistem perbankan tempatan dengan menyuntikkan dana-dana pemodal semula kepada institusi kewangan yang menghadapi masalah. Objektif pemodal semula ini bukanlah semata-mata untuk membantu institusi berkenaan memfokuskan semula aktiviti jangka pertengahan dan memperteguh keupayaan operasinya, tetapi juga untuk memantapkan sektor perbankan keseluruhannya. Pada 20 Oktober, Danamodal menandatangani perjanjian dengan lapan institusi perbankan untuk dimodalkan semula dengan suntikan modal berjumlah 4.5 bilion.

(END)